NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#05

26 Jan 2024 – 1 Feb 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Pencen: Beban atau Agenda Tersirat? 2

Konsesi Ke-2 ERL Ringankan Beban Rakyat? 5

Sekat Dana UNRWA Strategi Terbaru Israel 7

Pulau Daat Tergadai Kepada Warga Asing 10

Petani Eropah Memberontak 12

Apa Masa Depan Mata Wang Malaysia? 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Pencen: Beban atau Agenda Tersirat?

- Perdebatan berkaitan saiz dan bebanan kewangan dari penggajian sektor awam telah bermula beberapa tahun lalu. Pada tahun 2016, seorang pemimpin DAP, **Tony Pua** pada sebuah forum bertajuk "Menganalisis Bajet 2017" di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, sektor awam terlalu besar dan harus diperkecilkan. Pandangan ini diteruskan oleh Timbalan Menteri Undang-undang, **Mohamed Hanipa Maidin** pada Disember 2019. Beliau berpendapat pengurangan ini tidak akan menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan.
- Perdana Menteri, **YAB Tun Mahathir** mengakui beban kewangan kerajaan boleh dikurangkan dengan pengecilan saiz kakitangan awam dan mengoptimumkan penggunaan teknologi. Bagaimanapun, pada masa yang sama PM berpendapat seandainya penjawat awam kehilangan kerja selepas dikurangkan jumlah, berkemungkinan besar masalah seperti masalah sosial pula akan melanda.
- Terbaru, isu bebanan kewangan kerajaan terhadap saiz kakitangan awam diulang bicara. Namun ia berkaitan dengan pencen kakitangan awam. Persoalannya, adakah duit pencen ini duit daripada **kutipan hasil cukai**?
- Sebenarnya pencen adalah duit tabungan gaji kakitangan awam gaji semasa berkhidmat dulu, yang dicarum dalam Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP), sebuah entiti yang diperbadankan dengan nilai caruman sebanyak 17.5% daripada gaji. Pesara mendapat imbuhan tetap bulanan/pencen melalui simpanan yg telah dicarumkan ke dalam KWAP semasa tempoh hayat perkhidmatan dulu.
- Malahan hak berpencen ini telah dijamin oleh **Perlembagaan Persekutuan** seperti mana ditetapkan di bawah Perkara 74 Jadual Kesembilan, Senarai I, Para 6(d) Senarai Persekutuan, iaitu pencen adalah tanggungjawab kerajaan Persekutuan.

- Manakala hak untuk berpencen kakitangan awam adalah termaktub dalam Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Pencen 1980 (Akta 227).
- Hasil daripada 'Kajian Sikap dan Respon Rakyat Terhadap Isu Perkhidmatan Awam Setahun Pentadbiran Kerajaan Perpaduan' yang dilakukan oleh penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menunjukkan 72.3 peratus daripada 2,304 responden mahu kerajaan mengekalkan skim pencen, 21 peratus memilih skim caruman KWSP, manakala 7.7 peratus lagi memberi jawapan tidak tahu.
- Kerajaan seharusnya memikirkan **alternatif** kepada skim pencen dan bukannya mengambil tindakan dengan memansuhkan skim persaraan penjawat awam.


Isu pencen, DAP sokong cadangan Anwar

Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my

- Satu kaedah situasi menang-menang perlu dicari oleh semua pihak. Kita bimbang langkah untuk menamatkan skim berpencen ini dikhuatiri akan akan memberi kesan jangka panjang kepada negara.

- Minat orang ramai untuk memohon bekerja dalam sektor yang didominasi oleh kaum Melayu akan merosot, seterusnya menimbulkan masalah kepada sistem perkhidmatan awam.
- Maka terdetik di benak fikiran kita, kenapakah desakan mengecilkan saiz kakitangan awam dan skim berpencen ini secara konsisten diperjuangkan oleh sesetengah pihak. Adakah kerana bebanan kewangan negara atau ada udang di sebalik batu?

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/362151
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054177/hak-berpencen-penjawat-awam-dijamin-dalam-perlembagaan-pensyarah-undang
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1157933/cuepacs-bidas-pihak-pertikai-pencen-penjawat-awam
- https://www.sinarharian.com.my/article/244702/berita/nasional/tiada-masalah-melayu-ramai-dalam-sektor-awam---pm

Konsesi Ke-2 ERL Ringankan Beban Rakyat?

- Kerajaan Malaysia disarankan untuk mendedahkan butiran perjanjian konsesi membabitkan Syarikat Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) iaitu **operator KLIA Ekspres**, termasuk alasan dipanjangkan **tempoh konsesi** selama 30 tahun lagi bermula 2029 hingga 2059. Selain itu, sekiranya berlaku sebarang isu berkait dengan perkhidmatan dalam tempoh perjanjian, apakah jaminan dan komitmen yang ditawarkan untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang berkualiti daripada ERL?
- Ini selari dengan hasrat Kerajaan Madani dalam memastikan wujudnya penyertaan awam dalam pembuatan keputusan agar ia tidak lagi berpihak kepada syarikat semata-mata dan menyusahkan rakyat.
- Walaupun ERL mengumumkan **kadar tambang** tidak akan dinaikkan dalam masa terdekat, kerajaan perlu memastikan sepanjang konsesi kedua, rakyat tidak dibebankan dengan kos yang tinggi. Kadar tambang ini jika tidak diurus dengan baik boleh meningkat sehingga RM126 untuk setiap perjalanan daripada KL Sentral ke KLIA berbanding sekarang sebanyak RM55.
- Sebenarnya, peningkatan kadar tambang pernah berlaku pada 2016 yang mengakibatkan berlaku penurunan kadar bilangan penumpang ERL sebanyak 19 peratus ataupun 8.9 juta penumpang, berbanding 11.03 juta penumpang pada 2015.
- Jika dilihat secara keseluruhan, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke telah meneruskan komitmen kerajaan terdahulu pada tahun 2017 di mana, kerajaan tidak lagi membayar Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) yang diambil daripada penumpang antarabangsa kepada ERL bermula tahun 2029. Di samping itu, ERL juga boleh menentukan kadar tambang berdasarkan pertimbangan pasaran.


- Walau bagaimanapun, hasil penelitian berdasarkan jumlah penumpang melalui peningkatan kadar tambang menunjukkan ERL akan berhadapan dengan cabaran yang sama sekiranya tiada pelan yang holistik dikemukakan. Konsesi ini kemudiannya tidak mendatangkan apa-apa perubahan yang signifikan kepada rakyat dan kerajaan.
- Terakhir, memetik kata-kata Loke di dalam majlis perjanjian tersebut, '*sekiranya ERL mencapai keuntungan dalam satu threshold tertentu, maka kerajaan akan dapat 30 peratus keuntungan daripada situ. Namun begitu, kita tahu pengangkutan awam sukar mendapat keuntungan. Namun ERL sudah beroperasi lebih 20 tahun, kita berharap dalam satu tempoh yang tidak begitu panjang ini dapat dicapai*'. Kata-kata Loke ini sebenarnya memperlihatkan seolah-olah kerajaan optimis dengan unjuran ERL dan adalah wajar sekiranya perjanjian dan hala tuju ERL didedahkan kepada umum selaras dengan hasrat kerajaan Madani dan tidak menjadi beban kepada rakyat dalam jangka masa panjang.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/355765
- https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-15112017.pdf

Sekat Dana UNRWA Strategi Terbaru Israel

- Seperti biasa, setiap kali memulakan sebarang perancangan untuk melumpuhkan Palestin khususnya di Gaza, Israel akan menuduh tanpa bukti kukuh untuk membenarkan perbuatan terkutuk mereka.
- Baru-baru ini, Israel sekali lagi menuduh kononnya beberapa kakitangan Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (**UNRWA**) terlibat dalam serangan HAMAS pada 7 Oktober tahun lalu. Menerusi pendedahan itu, Israel mendakwa tujuh kakitangan agensi kemanusiaan tersebut terbabit membuat serangan di Tel Aviv termasuk melakukan penculikan.
- Susulan tuduhan itu, sekurang-kurangnya 12 negara penderma termasuk Amerika Syarikat (US) selaku penyumbang terbesar telah **menangguhkan pembiayaan** buat sementara ke UNRWA.
- Berdasarkan laman web rasmi UNRWA, US menyumbang $343.9 juta, diikuti Jerman $202.1 juta, Kesatuan Eropah (EU) $114.2 juta dan Sweden $60.9 juta.



- Tidak senada dengan pendekatan itu, Norway yang menyumbang $34.2 juta tetap meneruskan pembiayaan mereka. Menurut Menteri Luarnya, Espen Barth Eide tindakan menangguhkan dana adalah respon yang salah selain menyifatkan ia **hukuman yang kolektif**. Beliau juga menggesa negara penderma yang menangguh pembiayaan agar memikirkan akibat daripada perbuatan itu terhadap populasi rakyat Gaza.
- Sementara itu, Ketua Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres meminta negara-negara penderma agar tidak menangguhkan pembiayaan kepada UNRWA kerana lebih 2 juta penduduk Gaza bergantung kepada bantuan penting daripada agensi itu untuk kelangsungan hidup mereka. Malah, pembiayaan semasa kepada UNWRA turut dinilai tidak akan mampu menampung semua keperluan penduduk Gaza sehingga Februari.
- Justeru, Guterres memberitahu siasatan oleh Pejabat Perkhidmatan Pengawasan Dalaman PBB telah segera diaktifkan untuk menyiasat tuduhan serius Israel. Daripada 12 orang yang terlibat, sembilan individu dikenal pasti serta-merta dan dipecat, seorang lagi disahkan meninggal dunia dan dua yang lain sedang dikenal pasti.
- Manakala, Setiausaha Agung UNRWA, Martin Griffiths berkata dakwaan Israel bahawa kakitangan UNRWA terlibat dalam serangan 7 Oktober masih belum disahkan. Malah katanya, sekalipun tuduhan itu benar, dana kepada agensi itu tidak seharusnya dihentikan sewenang-wenangnya oleh negara-negara kuasa besar dunia.
- Tambah beliau, nyawa rakyat Palestin hanya boleh diselamatkan jika bekalan asas dapat disalur dengan mencukupi terutamanya di tengah-tengah serangan ganas Israel. Katanya lagi, tindakan penangguhan pembiayaan adalah keputusan terburu-buru berdasarkan dakwaan US tanpa mendengar penjelasan UNRWA.

- Sementara itu, Perdana Menteri negara haram Israel, Benjamin Nentayahu pula tanpa rasa malu, menegaskan **UNRWA mesti ditutup** kerana kononnya badan amal tersebut tidak memainkan fungsi dengan baik dan perlu digantikan dengan agensi PBB yang lain.
- Walaupun isu ini belum sahih, duta US ke UN, Linda Thomas Greenfield tetap berpendirian **UNRWA memerlukan perubahan asas** sebelum dana dapat disalurkan semula. Ia termasuk bagaimana mereka beroperasi dan menguruskan kakitangan agar kejadian 12 orang terbabit serangan HAMAS pada 7 Oktober dipertanggungjawabkan, serta UNRWA dapat kembali beroperasi seperti biasa.

RUJUKAN

- https://bernama.com/bm/dunia/news.php?id=2266380
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/world/2024/01/31/fundamental-changes-needed-before-unrwa-funding-resumes-says-us/
- https://www.malaymail.com/news/world/2024/01/31/norway-urging-unrwa-donors-to-reflect-on-wider-consequences-of-cutting-funding/115640

Pulau Daat Tergadai Kepada Warga Asing

- **Pulau Daat** yang terletak di antara Menumbok, Sabah dengan Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya **dilelong** dengan harga kira-kira RM80 juta oleh warga asing dengan bawah nilai.
- Pulau yang berkeluasan 237.55 hektar itu pada asalnya dibuka lelongan pada harga RM 135 juta pada 2021, kemudian menurun kepada RM121.5 juta pada tahun 2022 sebelum dijual pada tahun ini. Walau bagaimanapun, identiti pembeli tersebut masih dirahsiakan.
- Lelongan itu dikendalikan oleh syarikat Bumiputera pembangunan dan pengurusan hartanah, Potensi Bernas Sdn Bhd selaku pemilik pulau berkenaan. Lelongan itu dibuat susulan pembubaran syarikat itu.



- **Pemilik pertama** pulau itu ialah warga British, John Gavaron Treacher dan Clarence Cooper berdasarkan geran yang dikeluarkan pada 1856 oleh Gabenor Labuan, George Warren Edwardes bagi pihak Ratu Victoria pada ketika sebelum bertukar tangan ke Potensi Bernas Sdn Bhd.
- Agak mendukacitakan apabila sebelum ini Pulau Daat pernah dicadang sebagai **laluan jambatan** yang menghubungkan Menumbok dan Labuan dengan kepanjangan 9.15 km.

- Begitu juga pada 2012, Perbadanan Labuan pernah berhasrat menjadikan Pulau Daat sebagai **hab minyak dan gas** dengan kerjasama syarikat RG Gas & Chemical Sdn Bhd dan Zhuhai Winbase International Chemical Tank Terminal Co Ltd, sebuah syarikat berpangkalan di China. Walau bagaimanapun, hasrat itu terbatal kerana faktor tanah yang cetek dan berlumpur.
- Dikatakan, Pulau Daat masih mempunyai baki **tempoh pajakan** selama 999 tahun yang tamat pada 31 Disember 2853.
- Harapan warga Sabah dan Labuan agar potensi sumber alam boleh menjadi limpahan ekonomi untuk warga tempatan hanyalah umpama "Malang Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai". Ramai juga yang mempersoalkan kesungguhan kerajaan hendak pertahankan Pulau Sipadan daripada tuntutan negara jiran, tetapi dengan mudahnya pula membenarkan pulau-pulau di Sabah tu terjual ke tangan orang luar.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/05/845225/lelong-pulau-daat-jumaat-ini
- https://www.malaysiadateline.com/lelongan-pulau-daat-di-labuan-ditutup-dibeli-warga-asing-dengan-harga-rm80-juta/

Petani Eropah Memberontak

- Kumpulan petani di Perancis dan Belgium sedang mengadakan berpuluh-puluh sekatan di lebuh raya dan di jalan masuk ke pelabuhan kontena. Hal ini bagi **mendesak kerajaan** meredakan peraturan alam sekitar dan melindungi mereka daripada kenaikan kos dan import murah.
- Protes ini juga telah merebak ke seluruh Eropah. Petani Sepanyol berkata mereka akan menyertai gerakan itu, manakala 1,000 petani Itali merancang untuk mengambil bahagian dalam perhimpunan di Brussels untuk mendesak pemimpin Kesatuan Eropah bertindak. Petani Jerman dan Romania juga akan sertai.



- **Keputusan EU** untuk memansuhkan kuota dan duti import dari Ukraine sejak pencerobohan Rusia pada Februari 2022 serta penerusan perjanjian perdagangan EU-Mercosur yang memberi akses pasaran Eropah kepada blok Amerika Selatan telah membangkitkan amarah petani Eropah.
- Antara rungutan mereka ialah para petani tidak dibayar cukup, tercekik oleh cukai dan peraturan hijau dan menghadapi persaingan tidak adil dari luar negara.

- Kelmarin Pesuruhjaya Eropah mencadangkan untuk mengehadkan import pertanian dari Ukraine dan lebih fleksibiliti mengenai peraturan tanah terbiar dalam usaha meredakan bantahan.
- Sektor pertanian Malaysia boleh mengambil pengajaran dengan apa yang berlaku di Eropah kerana kita tidak seharusnya menunggu sehingga para petani memberontak, barulah kita nak menyelamatkan sektor pertanian.
- Mereka sudah dihimpit dengan kenaikan kos input, import hasil tani dan infrastruktur asas yang bermasalah. Kerajaan perlu menunjukkan keazaman untuk mengembalikan kegemilangan pertanian negara.

RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/world/2024/01/31/french-belgian-farmers-set-up-highway-access-road-blockades/
- https://www.theguardian.com/environment/2024/jan/15/why-europe-farmers-are-protesting

Apa Masa Depan Mata Wang Malaysia?

- Daripada RM4.49 sedolar AS pada awal tahun 2023, nilai mata wang Ringgit Malaysia pada hari ini adalah pada RM4.73 sedolar AS, iaitu di suatu tahap yang terendah sejak 26 tahun lepas.
- Walaupun dicanang-canangkan oleh Menteri Ekonomi bahawa kejatuhan Ringgit Malaysia ini membawa kebaikan kepada ekonomi negara, namun data dan statistik yang dikeluarkan sehingga hujung tahun lepas tidak mengiyakan kenyataan tersebut.
- Secara teorinya, apabila nilai mata wang rendah, kadar eksport barangan negara akan meningkat kerana barang eksport dapat dibeli dengan harga yang murah. Namun, nilai eksport pada Disember 2023 menyaksikan kemerosotan 10% berbanding bulan sebelumnya, dan ini merupakan kemerosotan bulanan yang ke-10 berturut-turut terjadi sejak Mac 2023.
- Kumpulan mata wang utama negara lain juga menghadapi penurunan dan buat masa sekarang, ringgit diniagakan kebanyakannya tinggi berbanding kumpulan mata wang yang lain seperti Pound Britain, Euro dan Baht Thailand. Namun situasi ini tidak seharusnya menjadi nafas lega kepada kita.
- Kejatuhan ringgit ini akan memberi tekanan yang langsung kepada rakyat lagi-lagi dari sudut peningkatan kos bahan terutamanya barangan import. Secara tidak langsung, kos mengilang, kos barangan dan jualan, peningkatan kos-kos ini kesemuanya akan meletakkan beban kewangan kepada pengguna akhir iaitu rakyat.
- Selain memperkasakan kempen beli barangan tempatan yang boleh dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, syarikat yang berurusan import dan eksport digalakkan untuk membuat langkah perlindungan nilai bagi menstabilkan penukaran mata wang asing ke ringgit.

- Kerajaan seharusnya menerima kenyataan yang ekonomi negara kita tidak berada di suatu aras yang selesa. Selagi mana para menteri mengkaburkan mata mereka daripada melihat kesengsaraan rakyat, selagi itulah mereka berusaha mencari dalih dalam segala kerumitan yang menimpa negara ini.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2024/01/1204886/ringgit-jatuh-kepada-rm473-berbanding-dolar
- https://malaysiagazette.com/2024/01/27/ringgit-makin-lemah-rugikan-negara-shahir/
- https://mykmu.net/2023/05/29/kejatuhan-ringgit-membawa-kebaikkan-kepada-ekonomi-negara-rafizi-ramli/
- https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/01/1204967/eksport-hampir-semua-negeri-merosot-pada-disember-2023



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**